

04 DEC 1997

LIMA-rekod

CATAMARAN STAR CRUISES CUBA PECAHKAN REKOD DUNIA

LANGKAWI, 4 Dis (Bernama) -- Setelah menakluki gunung Everest, Malaysia telah melancarkan satu lagi acara memecah rekod-- -- Cabaran terpantas mengelilingi dunia melalui laut -- menggunakan catamaran Star Cruises, Superstar Express Langkawi.

Acara memecah rekod itu akan bermula di Pelabuhan Klang dalam bulan Jun tahun depan dan akan berlabuh di 10 pelabuhan dalam tempoh 48 hari, iaitu cuba mengatasi rekod terdahulu oleh kapal selam Amerika Syarikat, USS Triton yang mengelilingi dunia dalam tempoh 83 hari.

Catamaran dengan kelajuan baru itu, telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di jeti Star Cruises di Tanjung Malai di sini hari ini. Ia akan memberi perkhidmatan antara Butterworth, Pulau Langkawi dan Phuket.

Semasa mengumumkan "Piala Perdana Menteri" bagi cabaran itu, Dr Mahathir berkata percubaan oleh Star Cruises itu akan membuatkan rakyat Malaysia bangga dan juga ia sebagai mempromosikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan yang menarik.

Pengerusi Star Cruises, Datuk K.T.Lim berkata semasa dalam pelayaran itu, catamaran sepanjang 82 meter itu akan singgah di pelabuhan Singapura, Hong Kong, Tokyo, Honolulu, San Francisco, Panama, New York, London, Suez dan Bombay, dengan jumlah pelayaran sejauh kira-kira 36,000 batu nautika.

Lim berkata semasa dalam pelayaran, catamaran laju bernilai AS\$40 juta itu juga akan cuba membuat rekod bagi lintasan yang terpantas di Laut China Selatan, lintasan terpantas di Laut China Timur, lintasan yang terpantas di Lautan Hindi dan lintasan terpantas di Laut Arab.

"Kami mendedikasikan piala itu sebagai penghormatan kepada semua Perdana Menteri Malaysia, sama ada yang lepas, sekarang dan masa depan. Kami akan membuktikan kepada dunia "Malaysia Boleh", katanya.

Catamaran seberat 5,419 tan matrik itu, dibina oleh Austal Ships of Australia, boleh memuatkan 175 kereta dan 900 penumpang dengan kelajuan sehingga 42 knot.

Ia hanya akan mengambil masa dua jam untuk menyudahi pelayaran sejauh 150 km dari Butterworth ke Langkawi.

Catamaran lain yang berada dalam armada Star Cruises ialah Star Aquarius, STar Pisces, SuperStar Gemini, SuperStar Capricorn, SUpErStar Sagittarius, SuperStar Leo, SuperStar Virgo, MegaStar Aries, MegaStar Taurus dan MegaStar Asia. -- Bernama

MOK RI